

08/08/2001

Pahang syor loji ketiga Petronas di Gebeng

Sariha Mohd Ali

KERAJAAN Pahang akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan cadangan pembinaan loji pemprosesan produk petroleum atau "pemecah" (cracker) ketiga milik Petronas, di Gebeng, dekat Kuantan.

Pertemuan itu bukan bertujuan melobi supaya Petronas memilih Gebeng sebagai tempat loji itu, sebaliknya kerajaan negeri ingin mengemukakan permohonan kepada Kerajaan Pusat supaya menempatkannya di Gebeng.

Loji pertama dan kedua Petronas kini ditempatkan di Kerteh, Terengganu.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Gebeng adalah tempat paling sesuai untuk pembinaan loji itu berbanding tempat lain berikutan semua kemudahan asas diperlukan sudah disediakan.

Katanya, walaupun setakat ini kerajaan negeri tidak dapat memberi jawapan rasmi berhubung perkara itu tetapi usaha akan terus dilakukan dan gambaran diterima mengenai perkara itu adalah positif.

"Kerajaan negeri sedang berusaha bersungguh-sungguh supaya Petronas dapat membina loji pemprosesan produk petroleum itu di Kawasan Perindustrian Gebeng kerana ia adalah kawasan sesuai untuk projek itu.

"Jadi, kita akan menghubungi Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan, bukan untuk melobi tetapi memohon supaya loji itu dibina di Gebeng," katanya selepas bertemu Pengarah Urusan BASF Petronas Chemical Sdn Bhd, John Fastier dan Pengarah Bahagian Operasinya, Dr Friedrich Towae di Kuantan, semalam.

BASF Aktiengesellschaft yang berpangkalan di Jerman, mempunyai ekuiti 60 peratus dalam usaha samanya dengan Petronas menerusi BASF Petronas Chemical Sdn Bhd (BASF Petronas).

Syarikat itu kini membangunkan kompleks kimia di Gebeng membabitkan kos RM3.4 billion.

Adnan berkata, selain menawarkan tanah kepada Petronas, Pahang mempunyai tenaga ramai pekerja untuk dilatih dan kewujudannya mampu menjadi pemangkin menarik pelaburan ke negeri ini.

Mengulas pertemuannya dengan Fastier dan Towae, Adnan berkata, jalinan hubungan baik antara kerajaan negeri dengan pelabur asing, mampu menonjolkan keistimewaan Malaysia kepada pelabur asing melabur di sini.

(END)